

Program Medicare 3R

Jabatan Farmasi, Hospital Kulim, Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengenalan

Program Pemulangan Ubat (PPU) oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mula dilaksanakan pada tahun 2010 sebagai inisiatif untuk menguruskan pelupusan ubat-ubatan agar lebih selamat dan mesra alam^{1,2,3}. Pengenalan program ini juga menyokong Strategi Hijau Malaysia yang diperkenalkan melalui Dasar Alam Sekitar Negara pada tahun 2002⁴. Melalui program ini, pesakit boleh memulangkan semula ubat-ubatan yang tidak digunakan di kaunter farmasi atau kotak pemulangan ubat yang disediakan di semua fasiliti farmasi hospital dan klinik kesihatan KKM dan pihak farmasi akan bertanggungjawab untuk melupuskannya mengikut tatacara yang sepatutnya.

Program Medicare 3R merupakan inovasi penyampaian perkhidmatan kategori penambahbaikan. Ia dipilih sebagai sokongan kepada Program Pemulangan Ubat yang telah diarahkan oleh Kementerian atas sokongan kepada **Dasar Alam Sekitar Negara 2002**.

Tujuan Projek Inovasi

Program Medicare 3R merupakan inovasi penyampaian perkhidmatan kategori penambahbaikan. Fokus utama program ini adalah untuk mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan, mendidik pesakit tentang pengubatan sendiri serta tentang pemulangan dan pelupusan ubat. Melalui program ini, pesakit digalakkan untuk memulangkan ubat serta merta ke Farmasi bukannya dengan cara mengambil stok ubat yang baru dan memulangkan ubat lama di rumah. Selain itu, pihak Farmasi juga ingin mendidik pesakit bahawa ubat yang dipulangkan semula selepas dibawa balik ke rumah tidak dapat diguna semula oleh orang lain walaupun dijaga dengan elok dan belum melebihi tarikh luput.

Proses Pelaksanaan Inovasi


Pilot Study (Prototype) telah dijalankan ke atas 20 pesakit untuk memastikan keberkesanan dan kesesuaian program. Dalam kajian ini, pesakit telah ditanya soalan pre data untuk mengenalpasti tahap pengetahuan pesakit mengenai pemulangan & pelupusan ubat. Seterusnya pesakit diberikan pendidikan berterusan mengenai program selama 3 bulan. Hasil daripada keberkesanan yang ditunjukkan dalam *pilot study* yang telah dilaksanakan, perancangan seterusnya adalah dengan mengaplikasikan konsep program di Kaunter Farmasi Utama. Untuk permulaan, pre data pemulangan ubat oleh pesakit dari rumah serta pemulangan pesakit secara terus daripada kaunter pendispensan telah dikumpul untuk mengenalpasti tahap kesedaran pesakit mengenai pemulangan ubat. Beberapa soalan (structured interview) mengenai konsep pemulangan dan pelupusan ubat ditanya kepada 100 orang pesakit/responden yang dipilih secara rawak di Kaunter Farmasi (pre data).

Setelah itu program tersebut dilancarkan secara besar-besaran di Kaunter Farmasi Utama mulai. Kempen telah dilaksanakan dengan memasang banner, poster di Kaunter serta mengedarkan flyers kepada pesakit. Maklumat mengenai pemulangan serta pelupusan ubat juga disediakan dalam bentuk slaid dan dipasang sepanjang masa di televisyen di ruang menunggu pesakit. Pesakit juga telah diberi penjelasan dan penerangan oleh semua kakitangan yang terlibat secara terus di Kaunter Screening, Kaunter Pendispensan serta Kaunter Farmasi Walk Thru. Pendidikan pesakit ini dilaksanakan secara berterusan selama 2 bulan. Data pemulangan ubat oleh pesakit sepanjang program direkod dan soalan post data (structured Interview) dan Kajian Kepuasan Pelanggan diambil setelah selesai tempoh program.

Proses sebelum dan selepas

Berikut adalah carta alir Proses Pemulangan, Pengumpulan & Penyisihan ubat yang dipulangkan ke Farmasi Pesakit Luar (berdasarkan **Garis Panduan Pemulangan Ubat Bil 3/2016**)

9) CARTA ALIR PEMULANGAN, PENGUMPULAN DAN PENYISIHAN UBAT YANG DIPULANGKAN KE FARMASI PESAKIT LUAR



Terdapat 2 **penambahbaikan** ke atas proses pemulangan ubat yang telah dilakukan iaitu:

1. Penambahbaikan Pemulangan, Pengumpulan Dan Penyisihan Ubat Yang Dibawa Dari Rumah Ke Farmasi Pesakit Luar

Bagi penambahbaikan yang dibuat ke atas Carta Alir Pemulangan Ubat, pesakit diminta memulangkan baki ubat dari rumah ke Kaunter *Screening* Farmasi. Pesakit akan diberikan pendidikan mengenai Medicare 3R serta pelupusan ubat. Kaunseling mengenai ubat-ubatan akan diberikan sekiranya didapati terdapat isu mengenai komplan. Sekiranya ubat-ubatan tersebut sama dengan preskripsi yang dibawa dan masih boleh digunakan, ubat tersebut akan

ditop up mengikut baki kuantiti yang dipulangkan dan didispens kepada pesakit tersebut. Sekiranya tidak dapat digunakan semula, ubat tersebut akan melalui proses pengumpulan, penyisihan dan pelupusan mengikut **Garispanduan Pemulangan Ubat Bil: 3/2016**

2. Penambahbaikan Pemulangan Dan Pengumpulan Ubat Yang Boleh Digunakan Semula di Farmasi Pesakit Luar

Penambahbaikan seterusnya merupakan **fokus utama** yang dibuat untuk pendidikan pesakit mengenai pemulangan ubat. Promosi Medicare 3R akan diberikan kepada pesakit di Kaunter Screening dan Kaunter Pendispensan. Pesakit digalakkan mengambil ubat mengikut kuantiti yang diperlukan sahaja untuk mengelakkan *stock piling* di rumah. Kaunseling ubat-ubatan akan diberikan sekiranya didapati terdapat isu komplian yang menyumbang kepada pemulangan ubat.

Impak inovasi terhadap kumpulan sasaran/perkhidmatan jabatan/agensi/Negara

- Elemen Inovatif/Kreativiti

Program berkonsepkan 3R cuma diubahsuai mengikut kesesuaian program. Ia menggantikan terma 3R yang asal (Reduce, Reuse, Recycle) kepada Review, Return & Reduce. Ia diadaptasi daripada konsep kitar semula dan diaplikasikan untuk program pemulangan ubat di Farmasi Pesakit Luar. Program ini bertujuan untuk mengurangkan ubat yang dipulangkan oleh pesakit yang tidak dapat diguna semula

Program ini telah terbukti banyak membantu menjimatkan perbelanjaan Kementerian Kesihatan khususnya dalam penjimatan kos ubat-ubatan serta kos pelupusan. Fokus utama pengurangan kos operasi adalah melalui:

1. Pengurangan kos melalui pemulangan ubat secara terus di Kaunter Farmasi (ubat yang boleh diguna semula)
2. Pengurangan kos melalui pengurangan jumlah ubat yang dipulangkan oleh pesakit dari rumah (ubat yang tidak dapat diguna semula)
3. Pengurangan kos pelupusan.

Jumlah penjimatan yang dianggarkan adalah RM 250,000 setahun

- Elemen Keberkesanan

Didapati terdapat peningkatan jumlah pesakit sebanyak 48% yang memahami konsep pemulangan serta pelupusan ubat. Hasil daripada Kajian Kepuasan Pelanggan mendapati 97% pesakit juga amat berpuas hati dengan program yang telah dijalankan dan bersetuju bahawa Program 3R ini dapat meningkatkan pengetahuan mereka serta mengurangkan pembaziran.

Faedah yang diperolehi secara tidak langsung daripada program ini adalah dengan membantu mengurangkan pencemaran secara menggalakkan pesakit melupuskan ubat dengan cara yang betul. Pengurangan *stock piling* di rumah juga akan mengurangkan risiko pengurusan ubat dengan cara yang tidak betul. Program ini juga dapat membantu mengurangkan kekeliruan pesakit tentang pengubatan sendiri serta membantu mengurangkan *potential harm* kepada pesakit serta ahli keluarga. Apabila terdapat lambakan lebih ubat di rumah akan meningkatkan risiko keracunan ubat-ubatan dan kesilapan pengubatan boleh berlaku.

- Elemen Signifikan

Program ini juga membantu mengoptimalkan perbelanjaan kerajaan khususnya perbelanjaan pembelian ubat-ubatan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, terdapat peningkatan kehadiran pesakit sebanyak 4-5% setiap tahun di semua Fasiliti Kesihatan pada 2013-2016¹². Pada 2016, Fasiliti di Kementerian Kesihatan Malaysia menerima 60,875,564 pesakit di Unit Pesakit Luar dan dianggarkan 11 juta daripadanya adalah pesakit yang melebihi 50 tahun yang menghidap penyakit kronik¹³. Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia menerima peruntukan sebanyak 2107.61 Juta untuk pembelian ubat-ubatan di semua Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2016¹⁴. Peningkatan kos perubatan juga menjadi sebahagian masalah yang perlu ditanggung oleh Kementerian Kesihatan bagi memastikan peruntukan pembelian ubat-ubatan mencukupi setiap tahun. Program Medicare 3R ini dapat membantu Kementerian Kesihatan Malaysia mengoptimalkan perbelanjaan kerajaan khususnya pembelian ubat-ubatan. dan ini menyumbang kepada 9.5% penjimatan daripada keseluruhan perbelanjaan ubat-ubatan. Penjimatan ini akan dapat menampung **peningkatan jumlah pesakit** serta **peningkatan kos ubat** di Fasiliti Kesihatan setiap tahun dan membantu mengoptimalkan perbelanjaan kerajaan.

Program ini juga telah menjimatkan masa kakitangan dalam pengurusan pemulangan ubat yang dibawa dari rumah dan ini dapat meningkatkan produktiviti kerja kakitangan untuk menjalankan tugas yang lebih utama seperti aktiviti pengisian dan pelabelan preskripsi